

PM syor gubal etika pengurusan

Kerajaan tidak simpati pengarah pecah amanah

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Kerajaan tidak akan bersimpati dengan pengarah dan pengurus syarikat yang laksanakan tindakan bertentunya akibat pecah amanah semasa menjalankan kewajipan, kata Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini. Katanya, kerajaan mahu membersihkan masyarakat peniaga daripada orang-orang yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab bagi

mbolehkan mereka menjalankan perniagaan masing-masing dengan mudah. Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan masyarakat peniaga menggubal etika pengurusan mereka sendiri bagi mewujudkan golongan peniaga yang lurus lagi bertanggungjawab. "Salah satu caranya ialah dengan menubuhkan badan-badan eksklusif yang hanya boleh dianggotai oleh peniaga yang jujur," katanya semasa berucap

pada majlis penghargaan Edaran Otomobil Nasional (EON) di sini. Menurutnya, badan eksklusif seumpama itu boleh menggalakkan para peniaga mengamalkan etika yang baik. Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa sikap bekerjasama antara satu sama lain amat penting dalam sesuatu perniagaan. Beliau berkata, peniaga yang baik ialah peniaga yang sanggup "tenggelam timbul" dengan sesuatu barangan yang

diniagakannya. Beliau mengambil contoh pasaran kereta Proton Saga yang menghadapi masalah peniaga membuat helah tidak mahu menerima bekalan apabila pasarnya jatuh dan jualan tidak laris. Perdana Menteri berkata, lebih daripada 60,000 unit kereta Proton Saga telah dijual di negara ini dan ini merupakan kira-kira 85 peratus pasaran bagi kereta-kereta 1600 cc ke bawah. Beliau menganggap peratusan yang dikuasai oleh Proton Saga amat memuaskan dan menambah kata kereta itu bukan sahaja dibeli oleh mereka yang berpendapatan sederhana bahkan yang berpendapatan tinggi.